

Wajar suri rumah dapat perlindungan sosial: Pakar

Kuala Lumpur: Meskipun sumbangan suri rumah tidak diukur melalui pendapatan atau output ekonomi formal, nilai kerja yang mereka lakukan penting dan menyumbang secara tidak langsung kepada pembangunan negara.

Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Rojanah Kahar berkata, wajar bagi suri rumah untuk menerima perlindungan sosial sebagai pengiktirafan terhadap peranan mereka, serta sebagai langkah untuk menjamin kesejahteraan hidup berterusan.

"Pertama, kerja-kerja domestik yang dilakukan oleh suri rumah, termasuk penjagaan anak, penyediaan makanan, pembersihan serta penjagaan ahli keluarga yang memerlukan.

"Ia adalah bentuk kerja tidak bergaji, tetapi mempunyai nilai ekonomi yang tinggi. Dalam banyak keadaan, peranan ini membolehkan pasangan mereka bekerja di sektor formal dan memberi tumpuan kepada kerjaya, sekali gus menyumbang kepada produktiviti negara," katanya.

Menurutnya, dengan menyediakan skim caruman seperti i-Suri Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) oleh Perkeso, kerajaan menunjukkan komitmen terhadap inklusiviti dalam perlindungan sosial.

Inisiatif sebegini bukan sahaja meningkatkan ke-



Ia adalah bentuk kerja tidak bergaji, tetapi mempunyai nilai ekonomi yang tinggi"

Dr Rojanah Kahar

sejahteraan suri rumah, malah memperkukuh struktur keluarga dan masyarakat secara keseluruhan.

"Ketiadaan perlindungan sosial menyebabkan suri rumah terdedah kepada pelbagai risiko, terutamanya apabila berlaku perubahan mendadak dalam situasi hidup, seperti kematian pasangan, penceraian, kecacatan atau penyakit kronik.

"Tanpa jaringan keselamatan sosial, mereka berhadapan dengan risiko kemiskinan, kehilangan tempat bergantung dan ketiadaan sumber pendapatan tetap," katanya.

Jelasnya, hal itu memberi kesan langsung kepada kelangsungan hidup mereka dan anak-anak yang berada di bawah tanggungan.

Selain itu, kebanyakan suri rumah tidak mempunyai akses kepada simpanan persaraan kerana tidak mencarum dalam sebarang skim formal.

"Dalam jangka masa panjang, hal ini boleh menjejaskan kualiti hidup mereka pada usia tua, khususnya apabila mereka tidak lagi berdaya untuk bekerja atau bergantung kepada anak-anak yang mungkin turut berhadapan dengan cabaran ekonomi tersendiri," katanya.